KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

# LAPORAN TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG 2020

**Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam dalam buku ini tidak boleh dicetak semula, disalin atau dipindahkan bentuk dengan apa jua cara sekalipun sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.**

**Pengerusi**
Noorhasimah Binti Kassim
Pengarah Kolej Komuniti Penampang

**Timbalan Pengerusi**
Jacinta @ Caroline Peter
Timbalan Pengarah Kolej Komuniti Penampang

**Editor**
Grisha Henry William
Bumyamin Bin Md Razi
Mimi Tumbalon

**Ahli Jawatankuasa Panel Pengumpul Laporan**
Grisha Henry William (Muka Surat 1 – 42)
Bumyamin Bin Md Razi (Muka Surat 43 – 72)
Mimi Tumbalon (Muka Surat 73 – 102)

**Pereka Grafik**
Nur Fadhilah Binti Ahmed @ Ahmad

**Tel : 088-760951**
**Faks : 088-760954**
**Laman Rasmi : https://kkpenampang.mypolycc.edu.my/**

**Diedarkan Oleh :**
Kolej Komuniti Penampang

**Diurus Cetak Oleh :**
Kolej Komuniti Penampang

# ISI KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| LATAR BELAKANG | 1 |
| PERUTUSAN PENGARAH | 4 |
| SALAM TIMBALAN PENGARAH | 5 |
| CARTA ORGANISASI | 6 |
| LAPORAN PENCAPAIAN PEMARKAHAN KESELURUHAN KPI | 7 |
| LAPORAN PROGRAM SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN | 11 |
| LAPORAN PROGRAM SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA | 16 |
| LAPORAN UNIT MATA PELAJARAN PENGAJIAN UMUM | 23 |
| LAPORAN UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT | 28 |
| LAPORAN UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN | 37 |
| LAPORAN UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN | 43 |
| LAPORAN UNIT KUALITI | 46 |
| LAPORAN UNIT PENGAMBILAN PELAJAR | 51 |
| LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR | 56 |
| LAPORAN UNIT KOLABORASI DAN KEUSAHAWANAN | 65 |
| LAPORAN UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT | 73 |
| LAPORAN UNIT PERPUSTAKAAN | 77 |
| LAPORAN UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | 82 |
| LAPORAN UNIT PEMBANGUNAN | 95 |
| SIDANG REDAKSI | 101 |

# LATAR BELAKANG

## Sejarah

Kolej Komuniti Penampang Sabah (KKPPG), Kementerian Pengajian Tinggi adalah Kolej Komuniti ke lapan ditubuhkan di Negeri Sabah. Kolej ini telah disempurnakan perasmiannya oleh Yang Berhormat Tan Sri Bernard Gilok Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, yang juga Ahli Parlimen P174 Penampang, Sabah pada 2 Mei 2013. Kolej Komuniti Penampang ini telah memulakan pengoperasiannya pada 01 Julai 2013 dengan membuat persiapan dan kerja-kerja awal pengoperasian. Ia terletak di alamat Lot 5-8, Blok B, Wisma Malakun, Jalan Ramayah-Putatan, 89500 Penampang, Sabah. Berkedudukan di antara Pekan Donggongon dan Pekan Putatan. Berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dengan jarak 10 km dan 20 km dari Bandaraya Kota Kinabalu.

Sumber utama penduduk setempat suatu ketika dulu ialah pertanian tetapi pada hari ini tertumpu kepada aktiviti perkhidmatan awam dan swasta, perniagaan, pengangkutan dan pembinaan. Berdasarkan fakta tersebut bertepatanlah dengan kursus yang telah dipilih untuk dilaksanakan di kolej kini iaitu Sijil Pengoperasian Perniagaan dan Sijil Teknologi Senibina. Sehingga kini Kolej Komuniti Penampang telah melahirkan seramai 289 graduan. Parlimen P174 Penampang juga mempunyai keluasan 411.47 km persegi dan mempunyai lebih daripada 130,000 penduduk dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 4-5 %. Ia dibahagikan kepada dua kawasan ADUN iaitu N19 Kepayan dan N20 Moyog.

# VISI

**MENJADI PENERAJU INSTITUSI TVET YANG UNGGUL**

# MISI

## MISI 1

Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf

## MISI 2

Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat

## MISI 3

Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang

## MISI 4

Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

# PETA LOKASI




**Kolej Komuniti Penampang**

Lot 5-8 Blok B, Jalan Ramayah-
Putatan, 89500 Penampang,
Sabah

Tel : 088 760951
Fax : 088 760954

# PERUTUSAN PENGARAH

**Bismillahirrahmanirrahim.**
**Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh dan salam sejahtera.**

Pertama kali syukur kehadrat Allah atas limpah izin dan kurniaNya kita berjaya menerbitkan Laporan Tahunan Kolej Komuniti Penampang Tahun 2020.

Saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada seluruh warga Kolej Komuniti Penampang (KKPPG) kerana telah menunjukkan prestasi yang unggul di sepanjang tahun 2020, iaitu pencapaian KPI sebanyak 100% walaupun kita masih lagi berhadapan dengan masalah penularan wabak COVID-19 yang tidak diduga semenjak penghujung tahun 2019 yang lalu.

Terdapat 12 KPI Kolej Komuniti Penampang (KKPPG) yang telah berjaya dicapai dengan cemerlang iaitu melebihi sasaran asal, hasil daripada kerja keras semua unit yang terlibat. Sikap tolong-menolong dan semangat kerjasama antara unit merupakan kunci kejayaan pencapaian kolej dan diharapkan agar budaya baik ini akan terus berkekalan.




Di samping itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru seluruh warga Kolej Komuniti Penampang (KKPPG) agar terus cekal dan bermotivasi dalam menjalani norma baharu dalam kehidupan. Patuhilah semua arahan dan nasihat kesihatan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam usaha membendung risiko penularan wabak COVID-19. Semoga kalian dapat memberikan komitmen tinggi meskipun dikehendaki bekerja dari rumah atau secara hibrid.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada jawatankuasa yang telah berjaya menghasilkan Laporan Tahunan Kolej Komuniti Penampang Tahun 2020. Semoga penerbitan ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.

**NOORHASIMAH BINTI KASSIM** K.B.P.A
PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

# SALAM
# TIMBALAN PENGARAH

Salam sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan di atas rahmatNya maka Kolej Komuniti Penampang (KKPPG) sekali lagi dapat merekodkan kejayaan dalam melaksanakan program yang telah dirancang pada tahun 2020.

Kolej Komuniti Penampang (KKPPG) menawarkan kursus sepenuh masa (Sijil Pengoperasian Perniagaan dan Sijil Teknologi Senibina) pada setiap hari bekerja serta kursus pendek yang lazimnya dijalankan pada hujung minggu. Tawaran kursus-kursus ini merupakan usaha pihak kolej untuk menjadi peneraju institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang unggul, di samping memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat untuk mewujudkan jalinan kolaborasi bersama pihak industri atau pihak luar.

Rentetan daripada penularan wabak COVID-19, pengurusan dan pentadbiran kolej sedikit sebanyak mengalami perubahan, khususnya dari segi akademik. Namun begitu, sesi kuliah masih dapat berjalan dengan lancar dengan adanya pelaksanaan sesi Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT). Syabas saya ucapkan kepada semua warga Kolej Komuniti Penampang (KKPPG), khususnya para pensyarah yang bertungkus lumus menggalas tugas dan tanggungjawab masing-masing di sepanjang tahun.




Segala pencapaian dan kejayaan yang dikecapi pada tahun 2020 ini merupakan satu usaha berpasukan warga kolej dalam menentukan hala tuju strategik Kolej Komuniti Penampang (KKPPG). Sekali lagi, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak. Semoga semangat kekitaan dan kerjasama ini dapat sentiasa dikekalkan.

**JACINTA @ CAROLINE PETER**
TIMBALAN PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

# CARTA ORGANISASI
# KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG



**TARIKH KEMASKINI : 1 SEPTEMBER 2020**

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
LOT 5-8 BLOK B, JALAN RAMAYAH-PUTATAN, 89500 PENAMPANG, SABAH
NO TEL: 088-760951 NO FAKS: 088-760954
HTTPS://KKPENAMPANG.MYPOLYCC.EDU.MY/

# LAPORAN
# PENCAPAIAN PEMARKAHAN
# KESELURUHAN
# KPI

---

# KOLEJ KOMUNITI
# PENAMPANG
# 2020

**MARKAH KESELURUHAN KPI**
**KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG**
**2020**

# 100 %




BILANGAN AKTIVITI LEAN MANAGEMENT DI JABATAN / INSTITUSI

BILANGAN PROGRAM YANG DIHEBAHKAN MELALUI MEDIA SOSIAL RASMI JABATAN / INSTITUSI

BILANGAN PROGRAM SUKARELAWAN PELAJAR YANG MELIBATKAN INSTITUSI DAN KOMUNITI

PERATUSAN GRADUAN YANG MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN SELEPAS MENAMATKAN PENGAJIAN

PERATUS PELAJAR TAMAT DALAM TEMPOH (GOT)

**MARKAH KESELURUHAN KPI**
**KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG**
**2020**

# 100 %




BILANGAN KERTAS PENYELIDIKAN TVET YANG DITERBITKAN

BILANGAN PROGRAM ATAU AKTIVITI YANG MELIBATKAN ALUMNI DAN PERSATUAN ALUMNI

BILANGAN PENYERTAAN PROGRAM PSH DI JABATAN DAN INSTITUSI PADA TAHUN SEMASA

BILANGAN INDUSTRI YANG MENGHASILKAN KOLABORASI BERIMPAK TINGGI DENGAN INSTITUSI

PERATUS PPPT YANG MENGIKUT PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT DALAM TAHUN SEMASA

PERATUS PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS 99% BAGI TAHUN SEMASA

PERATUS PRESTASI PENGURUSAN PEMBAYARAN BIL DAN TUNTUTAN DALAM TEMPOH 7 HARI

# LAPORAN UNIT- UNIT

---

## KOLEJ KOMUNITI
## PENAMPANG
## 2020

# PROGRAM SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN (SPP)

## PENGENALAN

Sijil Pengoperasian Perniagaan adalah salah satu program yang membolehkan pelajar mendapat pengetahuan dan kemahiran bukan sahaja secara teori bahkan juga secara amali dalam bidang perakaunan, kewangan dan perniagaan. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi itu nanti dapat membantu dan mampu menyediakan pelajar ke alam pekerjaan mahupun melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Antara lain, program ini dapat melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan:

- Penyediaan rekod-rekod perakaunan daripada dokumen sumber dan seterusnya menyediakan Laporan Kewangan berpandukan kitaran perakaunan yang lengkap;
- Pengendalian kos pengeluaran, buku tunai runcit, dan penyata aliran tunai dengan menggunakan peralatan-peralatan dengan betul dan selamat dan mempraktikkan kaedah, metodologi dan teknik dengan sesuai dan tertib dalam melaksanakan tugasan;
- Melaksanakan aktiviti sokongan pemasaran, pengiklanan, promosi jualan dan sokongan jualan dengan betul dan mempraktikkan kaedah, metodologi dan teknik yang sesuai dan tertib dalam melaksanakan tugasan;
- Melibatkan diri dalam pembangunan maklumat dan keusahawanan;
- Menggunakan pengetahuan dan kemahiran asas keusahawanan di dalam bisnes secara professional dan beretika;
- Menunjukkan kerjasama dan kemahiran interpersonal dan sosial semasa merancang dan melaksanakan tugasan;

- Mengamalkan kemahiran mengumpul maklumat dan pembelajaran kendiri dan sepanjang hayat;
- Menyampaikan pengetahuan bagi isu kotemporari dan mengenal pasti keperluan bagi pembelajaran sepanjang hayat;
- Berkomunikasi secara berkesan, bersikap professional dan bertanggungjawab di dalam persekitaran kerja berkumpulan.

## OBJEKTIF

- Menghasilkan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran selari dengan keperluan semasa dan hasrat negara;
- Menunjukkan kebolehan penyelesaian masalah secara inovatif, kreatif serta mengurus maklumat dengan baik melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat;
- Mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan berkesan dan bekerjasama dengan kumpulan berasaskan etika kerja serta tanggungjawab sosial.

# CARTA ORGANISASI

## PROGRAM SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN (SPP)



# TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

## TAHUN 2020

| BIL | PROGRAM | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Program SPP Bil. 1 / 2020 | 17 Januari 2020 |
| 2. | Lawatan Ke Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu | 24 Februari 2020 |
| 3. | Mesyuarat Program SPP Bil. 2 / 2020 | 10 Julai 2020 |
| 4. | Mesyuarat Program SPP Bil. 3 / 2020 | 17 September 2020 |
| 5. | Mesyuarat Program SPP Bil. 4 / 2020 | 02 November 2020 |

# GAMBAR AKTIVITI

## PROGRAM SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN (SPP)



# PROGRAM SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA (STS)

## PENGENALAN

Program Sijil Teknologi Senibina merupakan satu program kemahiran yang menumpukan kepada penghasilan lukisan teknikal dalam bidang senibina berdasarkan kehendak Undang-undang Kecil Bangunan Seragam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pelajar akan diberi pengetahuan dan kemahiran tentang teknik penghasilan lukisan secara manual dan dengan menggunakan perisian komputer seperti Autocad, Autodesk Revit, Google Sketchup dan Adobe Photoshop. Selain itu, pelajar juga diberi pengetahuan dan kemahiran menghasilkan model bangunan.

## OBJEKTIF

- Menghasilkan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran selari dengan keperluan semasa dan hasrat negara;
- Menunjukkan kebolehan penyelesaian masalah secara inovatif, kreatif dan kerja berpasukan melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat;
- Mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan berkesan, menguruskan maklumat dengan baik dan bekerjasama dengan kumpulan berasaskan kerja serta tanggunjawab sosial.

# KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN DISEDIAKAN

### STUDIO SENIBINA

Studio Senibina ini boleh menempatkan pelajar seramai 30-40 orang dalam satu-satu masa (Ianya hanya digunakan oleh pelajar senibina sahaja) mengikut jadual yang telah ditetapkan.

### MAKMAL KOMPUTER 1 DAN 2

Makmal Komputer 1 dan 2 boleh digunakan oleh secara umum namun perlu dimaklumkan kepada pihak berkaitan kerana mempunyai aset kolej (Peralatan dan perisian). Kedua-dua makmal ini di bawah seliaan Unit ICT dengan kerjasama Program Teknologi Senibina.

### BILIK KULIAH 3

Bilik Kuliah 3 untuk digunakan oleh pelajar bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta memberi kemudahan ruang untuk pelaksanaan aktiviti (Ruang ini dapat menampung seramai 30 orang pelajar sahaja).

### BILIK PERSEDIAAN DAN SEMBUR (SPRAY)

Ruang ini adalah tempat untuk pelajar membuat persediaan projek seperti mengecat, menyembur, dan sebagainya.

# CARTA ORGANISASI

## PROGRAM SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA (STS)



NOORHASIMAH BINTI KASSIM
PENGARAH DH48



JACINTA @ CAROLINE PETER
TIMBALAN PENGARAH DH44



Ts. MOHD SUHAIRI BIN MOHD SHARIFF
PENSYARAH DH42 – KETUA PROGRAM STS



BETSY VINE SIDION
PEGAWAI PEMBANGUNAN PELAJAR DH44



TUAN RAKIZA BINTI TUAN MAHMUD
PENSYARAH DH48



NURMARYAM AIDA BINTI HASHIM
PENSYARAH DH41



NORFADZILATUL ZALEHA BINTI KHALID
PENSYARAH DH32



NORSZAZLINA BINTI ALI ABAS
PENSYARAH DH29

# TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

## TAHUN 2020

| BIL | PROGRAM | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Lawatan Amali Lukisan Terukur Bagi Kursus STS 3084 Asas Lukisan Terukur Pelajar Semester 3, Sesi Disember 2019 Di Kiansom Height, Inanam, Kota Kinabalu, Sabah | 13 Januari 2020 |
| 2. | Lawatan Sambil Belajar Di Muzium Negeri Sabah Dan Sabah Art Gallery Pelajar Semester 1, Sesi Disember 2019 | 17 Januari 2020 |
| 3. | Mesyuarat Program STS Bil. 1 / 2020 | 07 Febuari 2020 |
| 4. | Mesyuarat Program STS Bil. 2 / 2020 | 06 April 2020 |
| 5. | Program Lawatan Kerja Dan Projek Lukisan Terukur Di Kundasang, Sabah Sesi Jun 2020 | 20 – 22 September 2020 |
| 6. | Mesyuarat Program STS Bil. 3 / 2020 | 24 September 2020 |
| 7. | Program IBS – Lukisan Kerja Bersama Industri, Pelajar STS Di Akademi Binaan Malaysia Cawangan Sabah, Tahun 2020 | 28 September 2020 |
| 8. | Bengkel Asas Building Information Modelling (*BIM*) Pelajar STS, Sesi Jun 2020 | 28 September 2020 |
| 9. | Mesyuarat Program STS Bil. 4 / 2020 | 17 November 2020 |
| 10. | Keberkesanan Rekabentuk Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran Berbentuk “E-Modelling Detail @ E-MoD”<br>Projek Inovasi Perisa 2020 | Tahun 2020 |

# GAMBAR AKTIVITI

## PROGRAM SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA (STS)







PROGRAM LAWATAN KERJA
& PROJEK ASAS LUKISAN TERUKUR
DI KUNDASANG, SABAH
SESI JUN 2020
(20 - 22 SEPTEMBER 2020)


PROGRAM IBS - LUKISAN KERJA
BERSAMA INDUSTRI
DI AKADEMI BINAAN MALAYSIA
CAWANGAN SABAH
(28 SEPTEMBER 2020)


KEBERKESANAN REKABENTUK
BAHAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN BERBENTUK
'E-MODELING DETAIL @ E-MOD'
PROJEK INOVASI PERISA TAHUN 2020
PENGGUNAAN TEKNOLOGI 3D PRINTER
PERIS '20
PERTANDINGAN INOVASI
29-30 SEPTEMBER 2020
INOVASI KE ARAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN
E-MODELLING DETAILS @ E - MoD
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

# UNIT MATA PELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU)

## PENGENALAN

Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) diperkenalkan yang bertujuan melakukan penambahbaikan dari struktur Mata Pelajaran Wajib yang lebih berstruktur ke arah mempertingkatkan kualiti modal insan sejajar dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Di samping itu, melalui struktur MPU ini, mampu melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuankan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja dan seterusnya kebolehdapatan kerja.

Kursus MPU yang ditawarkan di Kolej Komuniti Penampang ialah:

1. MPU1311 PENDIDIKAN ISLAM 1
2. MPU1321 PENDIDIKAN MORAL 1
3. MPU1231 KEMAHIRAN INSANIAH
4. MPU1181 COMMUNICATIVE ENGLISH
5. SKW1102 APLIKASI KOMPUTER
6. MPU1131 PENDIDIKAN ISLAM 2
7. MPU1341 PENDIDIKAN MORAL 2
8. MPU1411 KO KURIKULUM (KELAB)
9. MPU1101 WORKPLACE ENGLISH
10. MPU1421 KO KURIKULUM (SUKAN)
11. MPU1152 PENGAJIAN MALAYSIA 1
12. MPU1222 KEUSAHAWANAN
13. MPU1212 BAHASA KEBANGSAAN A

## OBJEKTIF

Melaksanakan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan pelbagai aktiviti yang membentuk pelajar melalui penerapan nilai kerohanian, nilai kemurnian Islam sejagat bagi kehidupan seharian pelajar dan alam kerjaya, berketerampilan dan sahsiah pelajar dan alam kerjaya, berketerampilan dan sahsiah yang baik selari dengan Falsafah Pendidikan Negara.

# CARTA ORGANISASI

## UNIT MATA PELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU)



# TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

## TAHUN 2020

| BIL | PROGRAM | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Unit MPU Bil. 1 / 2020 | 16 Januari 2020 |
| 2. | Program Smart Solat | 21 Februari 2020 |
| 3. | Mesyuarat Unit MPU Bil. 2 / 2020 | 26 Mac 2020 |
| 4. | Mesyuarat Unit MPU Bil. 3 / 2020 | 02 Julai 2020 |
| 5. | Mesyuarat Unit MPU Bil. 4 / 2020 | 08 Oktober 2020 |
| 6. | Program Sukan, Cerdas, Dan Langsing | 26 September 2020 |
| 7. | Program Bersatu Teguh, Bercerai Roboh | 30 September 2020 |

# GAMBAR AKTIVITI

## UNIT MATA PELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU)







PROGRAM
BERSATU TEGUH
BERCERAI ROBOH
(30 SEPTEMBER 2020)
DREAMCATCHER

# UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

## PENGENALAN

Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Penampang telah menyediakan dan melaksanakan pelbagai kursus jangka pendek kepada semua lapisan golongan masyarakat tanpa mengira jantina, umur, agama dan juga taraf pendidikan. Pelaksanaan kursus pendek adalah untuk membentuk komuniti yang lebih dinamik, menyediakan peluang kepada agensi kerajaan dan agensi swasta dan industri bagi meningkatkan pengetahuan serta taraf sosio ekonomi melalui program pembelajaran sepanjang hayat yang fleksibel dan mudah alih (Mobile).

Penyertaan program PSH khususnya kursus jangka pendek di Kolej Komuniti Penampang Sabah amat menggalakkan setiap tahun sejak kolej komuniti ini mula beroperasi pada tahun 2014. Antara kursus jangka pendek yang menerima sambutan dan permintaan ramai adalah kursus masakan, pastri, jahitan, kecantikan serta kelas agama. Kebanyakan kursus pendek yang dijalankan di Kolej Komuniti Penampang dilaksanakan pada hujung minggu dan dijalankan pada hari bekerja bergantung pada permintaan komuniti. Peserta kursus pendek terdiri daripada agensi jabatan kerajaan, persatuan, agensi swasta dan masyarakat setempat khususnya di daerah Penampang.

## OBJEKTIF

- Menganjur dan menyedia program pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan komuniti berpengetahuan (K-communities);
- Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran (Up-skilling) dan melatih semula (Re-skilling) untuk keperluan tenaga kerja setempat;
- Menyediakan rangkaian strategik (Strategic Networking) untuk pengukuhan aktiviti sosio-ekonomi di kalangan pelanggan setempat dan pemegang taruh (Stakeholder);
- Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pilihan yang berpusatkan komuniti.

## KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN DISEDIAKAN

- Menyediakan kemudahan ruang bagi pelaksanaan kursus pendek seperti dapur masakan, ruang yang selesa untuk menjahit, bilik kuliah untuk kelas agama dan bahasa serta makmal komputer untuk kursus yang melibatkan modul teknikal dan sebagainya;
- Menyediakan kemudahan peralatan untuk pelaksanaan kursus pendek seperti ketuhar, pengadun, pengukus eletrik, perkakasan dapur, mesin jahit mudah alih, mesin jahit tepi, komputer dan sebagainya.

# CARTA ORGANISASI

## UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)



NOORHASIMAH BINTI KASSIM
PENGARAH DH48



JACINTA @ CAROLINE PETER
TIMBALAN PENGARAH DH44



NOR HASLINDA BINTI SAENAN
PEGAWAI PSH DH44



MIMI TUMBALON
PENSYARAH DH32 – PENYELARAS PSH



BUMYAMIN BIN MD RAZI
PENSYARAH DH41 – PENYELARAS PSH



NORFADZILATUL ZALEHA BINTI KHALID
PENSYARAH DH32 – PENYELARAS PSH

## STATISTIK KURSUS PENDEK TAHUN 2020

| BIL | PROGRAM | JUMLAH KURSUS PENDEK | PENYERTAAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Kursus Pendek Bulan Januari | 6 Kursus | 143 Peserta |
| 2. | Kursus Pendek Bulan Februari | 20 Kursus | 404 Peserta |
| 3. | Kursus Pendek Bulan Mac | 6 Kursus | 104 Peserta |
| 4. | Kursus Pendek Bulan Julai | 20 Kursus | 192 Peserta |
| 5. | Kursus Pendek Bulan Ogos | 21 Kursus | 255 Peserta |
| 6. | Kursus Pendek Bulan September | 29 Kursus | 422 Peserta |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **102 Kursus** | **1520 Peserta** |

## TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2020

| BIL | PROGRAM | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Unit PSH Bil. 1 / 2020 | 12 Januari 2020 |
| 2. | Kursus Pendek Bersama Pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) SMK Taman Tun Fuad - Kursus Pendek Penghasilan Maruku Cheese Dan Maruku Meletup | 19 Februari 2020 |
| 3. | Program Islam Sepanjang Hayat (PISH) – Kursus Pendek Penghasilan Aneka Muffin Bersama Institut Tahfiz Darul Quran Kinarut, Sabah | 06 September 2020 |
| 4. | Program Islam Sepanjang Hayat (PISH) – Kursus Pendek Penghasilan Aneka Cookies Bersama Institut Tahfiz Darul Quran Kinarut, Sabah | 20 September 2020 |
| 5. | Mesyuarat Unit PSH Bil. 2 / 2020 | 04 November 2020 |

# GAMBAR AKTIVITI

## UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)







KLUSTER
KOMPUTER DAN
TEKNOLOGI
MAKLUMAT


KLUSTER
SENI KREATIF


KLUSTER
KEROHANIAN
DAN KEAGAMAAN

# KERATAN AKHBAR

## UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

**8 EDUCATION** New Sabah Times Tuesday February 11, 2020

# Lifelong learning a pathway to generate income

*Sharing your views/stories...*

This is a special page on education and educational activities/programmes. For those who wish to contribute their articles, share their thoughts, please email to Ersie Chell Anjumin at jchell2309@gmail.com.




A group photo after the programme.



Among the passionate participants.

By **ERSIE CHELL ANJUMIN**

THE lifelong learning or better known as short course at Penampang Community College helps the local community to expand their knowledge and generate better income.

On Saturday, a total of 17 participants from all walks of life joined a "Kursus Pendek Penghasilan Aneka Kuih Seri Ayu" (original and cheese-based).

The instructor for this course is Penampang Community College Lecturer, Nurul Farhana Ramli, and assisted by Dayang Nurshazana David.

According to a spokesperson, lifelong learning is one of the services offered at Penampang Community College, apart from the college Full Time Course (Certificate in Architectural Technology and Certificate in Business Operations).

"All short courses at Penampang Community College are held every weekend.

"The number of participants attending the various short courses offered is also very encouraging," the spokeperson said.

For more information on the short courses offered at Penampang Community College, please visit the college website at http://kkpenampang.mypolycc.edu.my/ or the Penampang Community College Facebook Page.

Members of the public could also contact the Lifelong Learning Officer at 0138398275, for any enquiries.

NEW SABAH TIMES / 11 FEBRUARI 2020 / SELASA / MUKA SURAT 8 / RUANG PENDIDIKAN




**KURSUS** Penternakan Black Soldier Fly (BSF) melibatkan penternak-penternak di sekitar Sabah telah diadakan di Kolej Komuniti Penampang pada Ahad.

Kursus ini bertujuan untuk mempertingkatkan inovasi agro dalam melaksanakan program keusahawanan dikalangan usahawan-usahawan kecil, petani, penternak dan peniaga, selain memberi pemakin kepada sosio ekonomi negara dan komuniti setempat khususnya.

Penyelaras kursus itu ialah Ts Mohd Suhairi Bin Hj Mohd Shariff sementara tenaga pengajar ialah Ansaruddin Bin Othman dan Radzuan Bin Othman.

DAILY EKSPRES/24 FEBRUARI 2020/ISNIN/MUKA SURAT 5/ SUDUT MASYARAKAT



**PESERTA-PESERTA** Kursus Pendek Penghasilan Maruku Cheese dan Maruku Meletup mengabadikan kenangan selepas kursus tersebut yang diadakan di PPKI SMK Taman Tun Fuad pada Sabtu lepas.

Penyelaras kursus melibatkan pelajar pendidikan khas Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tun Fuad itu diselaraskan oleh Norfadzilatul Zaleha Binti Khalid, sementara tenaga pengajar ialah Nor Haslinda Binti Saenan.

Tujuan program diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkeperluan khas dalam mempelajari bidang masakan. Dengan kursus ini pelajar dapat menghasilkan produk makanan untuk dijual kepada orang ramai.

**DAILY EKSPRES/24 FEBRUARI 2020/ISNIN/MUKA SURAT 5/ SUDUT MASYARAKAT**



**PESERTA-PESERTA** mengabadikan kenangan di akhir kursus pembuatan kek vampire indulgence di bawah tunjuk ajar Cikgu Nor Haslinda Saenan (depan, kelapan dari kanan) di Kolej Komuniti Penampang, Sabtu lepas.

Kursus itu adalah antara pelbagai kursus pendek yang ditawarkan di bawah program Pembelajaran Sepanjang Hayat di kolej berkenaan yang bermatlamat untuk memperkasa golongan belia dan komuniti setempat dengan pelbagai kemahiran sesuai dengan minat masing-masing. Kursus-kursus pendek yang ditawarkan terbuka kepada warganegara Malaysia.

**DAILY EKSPRES/21 SEPTEMBER 2020/ISNIN/MUKA SURAT 5/SUDUT MASYARAKAT**

# UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

## PENGENALAN

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan berfungsi untuk merancang, melaksana dan memantau aktiviti pentadbiran am, pengurusan sumber manusia dan sumber kewangan serta memberi khidmat sokongan kepada semua kakitangan dan lain- lain bahagian Kolej Komuniti Penampang.

Selain daripada itu fungsi unit pentadbiran termasuklah mengurus penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan pejabat, pendaftaran fail-fail terbuka dan dokumen-dokumen terperingkat, perolehan dan pengurusan stor pentadbiran. Unit ini juga bertanggungjawab atas kebersihan dan penyelenggaraan bangunan, penerimaan serta penghantaran surat-surat dan bungkusan-bungkusan. Manakala fungsi unit kewangan termasuklah menguruskan belanjawan mengurus, dan urusan pembayaran dan perolehan melalui pembelian terus dan sebutharga.

Tanggungjawab unit pentadbiran juga termasuklah menguruskan berkenaan sumber manusia yang bertanggungjawab dalam urusan-urusan perlantikan, pengesahan lantikan, pengesahan jawatan dan perjawatan selain hal-hal perkhidmatan pegawai seperti permohonan cuti, pertukaran dan kenaikan pangkat serta tindakan tatatertib dan lain-lain. Selain itu Unit Pentadbiran Dan Kewangan Kolej Komuniti Penampang juga bertanggungjawab untuk pengurusan aset selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 untuk menguruskan aset-aset dan stor jabatan ini.

## OBJEKTIF

- Memberi khidmat sokongan pentadbiran kepada Kolej Komuniti Penampang;
- Membantu mempertingkatkan pembaharuan sistem pentadbiran jabatan;
- Merancang, mengurus dan mengawal kewangan dan perakaunan;
- Mengurus dan mengawal peruntukan bagi belanja mengurus dan pembangunan;
- Merancang, mengurus dan mengawasi hal ehwal sumber manusia;
- Mengurus, merancang dan mentadbir hal ehwal perjawatan;
- Memastikan unit-unit di bawah kawalan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan, Akta Tatacara Kewangan dan pekeliling-pekeliling;
- Membangun dan membuat penambahbaikan ke atas prosedur dan proses kerja dari masa ke semasa;
- Menghadiri pemeriksaan Belanjawan Tahunan;
- Membentang laporan berkaitan dengan kewangan dan perakaunan kepada pihak atasan;
- Menganggotai Jawatankuasa Sebutharga Kolej Komuniti Penampang.

# CARTA ORGANISASI

## UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



**NOORHASIMAH BINTI KASSIM**
PENGARAH DH48



**JACINTA @ CAROLINE PETER**
TIMBALAN PENGARAH DH44



**SUHAINA BINTI ABD HAMID**
PENOLONG PEGAWAI TADBIR N29



**SITI SARJIAH BINTI JUANIS**
PEMBANTU TADBIR (PT/PO) N19



**SHAREZA BIN ALSATU**
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) W19



**MOHAMMAD IQBAL BIN AWG SAHDI**
PEMBANTU OPERASI N11



**PALIANAN @ FERDINAND BIN ALIPIN**
PEMANDU KENDERAAN H11

# TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

## TAHUN 2020

| BIL | PROGRAM | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat JPKAK/JPKA Suku 4 / 2019 | 02 Januari 2020 |
| 2. | Mesyuarat Pengurusan Bil. 1 / 2020 | 17 Januari 2020 |
| 3. | Mesyuarat Pengurusan Bil. 2 /2020 | 13 Februari 2020 |
| 4. | Mesyuarat Pengurusan Bil. 3 / 2020 | 12 Mac 2020 |
| 5. | Mesyuarat JPKAK / JPKA Suku 1 / 2020 | 01 April 2020 |
| 6. | Mesyuarat Pengurusan Bil. 4 / 2020 | 16 April 2020 |
| 7. | Mesyuarat Pengurusan Bil. 5 / 2020 | 12 Mei 2020 |
| 8. | Mesyuarat Pengurusan Bil. 6 / 2020 | 11 Jun 2020 |
| 9. | Mesyuarat Unit Pentadbiran Dan Kewangan 1 / 2020 | 12 Jun 2020 |
| 10. | Majlis Bersama Jabatan (MBJ) –1 / 2020 | 15 Jun 2020 |
| 11. | Mesyuarat JPKAK / JPKA Suku 2 / 2020 | 01 Julai 2020 |
| 12. | Mesyuarat Pengurusan Bil. 7 / 2020 | 13 Julai 2020 |
| 13. | Mesyuarat Pengurusan Bil. 8 / 2020 | 10 Ogos 2020 |
| 14. | Mesyuarat Pengurusan Bil. 9 / 2020 | 08 September 2020 |

| | | |
|---|---|---|
| 15. | Mesyuarat JPKAK / JPKA Suku 3 / 2020 | 01 Oktober 2020 |
| 16. | Mesyuarat Pengurusan Bil. 10 / 2020 | 08 Oktober 2020 |
| 17. | Mesyuarat Pengurusan Bil. 11 / 2020 | 13 November 2020 |
| 18. | Majlis Bersama Jabatan (MBJ) – 2 / 2020 | 16 November 2020 |
| 19. | Mesyuarat Unit Pentadbiran Dan Kewangan 2 / 2020 | 27 November 2020 |
| 20. | Mesyuarat Pengurusan Bil. 12 / 2020 | 07 Disember 2020 |

# GAMBAR AKTIVITI

## UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



Lawatan Kerja Timbalan Menteri Pengajian



Hari Malaysia Kolej Komuniti Penampang



Gotong Royong Mengecat Bilik Mesyuarat KKPPG



Sesi Latihan Menggunakan Aset (*Drone*) oleh Pembekal




Program Komuniti Merdeka Daerah Penampang




Penerima Proton Persona dari pihak SPANCO

# UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN

## PENGENALAN

Unit Peperiksaan dan Penilaian Kolej Komuniti Penampang merupakan satu pusat yang bertanggungjawab untuk melaksanakan segala urusan dan aktiviti peperiksaan kolej. Unit ini diketuai oleh Pegawai Peperiksaan dan dibantu oleh Penyelaras Peperiksaan bagi setiap program. Unit Peperiksaan ini ditubuhkan bertujuan untuk menyelaras semua aktiviti-aktiviti berkaitan penilaian yang dijalankan di kolej.

## OBJEKTIF

- Merancang, menyedia dan menyelaras program-program aktiviti penilaian dan peperiksaan;
- Mengeluarkan dan mengedarkan arahan, peraturan dan pekeliling berkaitan dengan penilaian dan peperiksaan;
- Menerima, merekod dan menyimpan semua dokumen-dokumen atau borang berkaitan dengan penilaian dan peperiksaan;
- Memastikan semua keperluan asas peperiksaan disediakan;
- Menyediakan laporan keputusan peperiksaan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Kolej;
- Menyediakan dan mengedarkan semua keputusan peperiksaan yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Kolej dan Jawatankuasa Peperiksaan yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti (slip, transkrip atau sijil).

# CARTA ORGANISASI

## UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN



**NOORHASIMAH BINTI KASSIM**
**PENGARAH DH48**



**JACINTA @ CAROLINE PETER**
**TIMBALAN PENGARAH DH44**



**VUN JING SHU**
**PEGAWAI PEPERIKSAAN DH 44**



**NORFADZILATUL ZALEHA BINTI KHALID**
**PENSYARAH DH32 – PENYELARAS PEPERIKSAAN**



**HANAFEAH BINTI AB. RAHMAN**
**PENSYARAH DH41 – PENYELARAS PEPERIKSAAN**

# TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN
## TAHUN 2020

| BIL | PROGRAM | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Bengkel Prestasi Moderasi Skrip Jawapan Penilaian Berterusan | 29 – 30 April 2020 |
| 2. | Bengkel Semakan Soalan Dan Jawapan Penilaian Berterusan Sesi Jun 2020 | 07 Ogos 2020 |

## LULUSAN SIJIL KOLEJ

| BIL | PROGRAM | LULUSAN JUN TAHUN 2020 |
|---|---|---|
| | | KOHORT 1 |
| 1 | Sijil Peroperasian Perniagaan | 0 |
| 2 | Sijil Teknologi Senibina | 1 |
| **JUMLAH LULUSAN MENGIKUT KOHORT** | | **1** |

# UNIT KUALITI

## PENGENALAN

Unit Kualiti (UK) bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan kualiti di Kolej Komuniti Penampang. Ia ditubuhkan pada Oktober 2018 dan mula bergiat aktif pada tahun ini setelah satu Jawatankuasa Unit Kualiti ditubuhkan. Unit ini berperanan dalam mengurus dan menyelaras dalam sistem pengurusan kualiti secara efisyen dan sistematik selaras dengan keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kedua-dua sijil yang ditawarkan oleh Komuniti Penampang telah mendapat akreditasi penuh MQA pada tahun 2016.

Fungsi utama UK adalah memastikan pengurusan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dapat dilaksanakan mengikut keperluan standard akreditasi. UK juga berfungsi aktif dalam perancangan, pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan program / aktiviti pengurusan kualiti yang diadakan di kolej. Selain itu, UK juga sentiasa memberi perkhidmatan / bantuan dalam pengurusan kualiti kepada staf dan pensyarah.

## OBJEKTIF

- Meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti KKPPG;
- Mengekalkan pengiktirafan program oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

# CARTA ORGANISASI

## UNIT KUALITI



NOORHASIMAH BINTI KASSIM
PENGARAH DH48



JACINTA @ CAROLINE PETER
TIMBALAN PENGARAH DH44



VUN JING SHU
PEGAWAI PEPERIKSAAN DH44
– KETUA UNIT KUALITI



DG NURSHAZANA BINTI DAUD
PENSYARAH DH41 – PENYELARAS KUALITI



FEUNA ANASIUS JOITUN
PENSYARAH DH41 – PENYELARAS KUALITI



MOHAMED RAFIQ BIN GHAZALI
PENSYARAH DH41 – PENYELARAS KUALITI



MIMI TUMBALON
PENSYARAH DH32 – PENYELARAS KUALITI



NORSZAZLINA BINTI ALI ABAS
PENSYARAH DH29 – PENYELARAS KUALITI

# TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

## TAHUN 2020

| BIL | PROGRAM | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Bengkel Penyediaan Laporan Penilaian Kendiri Program Akademik | 14 Februari 2020 |
| 2. | Lawatan Dari Kolej Komuniti Santubong, Sarawak | 26 Februari 2020 |
| 3. | Bengkel FRP & FRK Beres Sesi Disember 2019 | 16 – 17 Jun 2020 |
| 4. | Bengkel Penyediaan FRP, FRK Dan SRKP Sesi Jun 2020 | 14 Julai 2020 |

# GAMBAR AKTIVITI

## UNIT KUALITI (UK)







BENGKEL FRP & FRK BERES
SESI DISEMBER 2019
(16 - 17 JUN 2020)


BENGKEL
PENYEDIAAN
FRP, FRK, DAN SRKP
SESI JUN 2020
(14 JULAI 2020)
BENGKEL
PERSEDIAAN FRP,
FRK & SRKP
SESI JUN 2020

# UNIT PENGAMBILAN

## PENGENALAN

Unit Pengambilan adalah merupakan satu pusat yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas-tugas pengambilan dan pendaftaran pelajar bagi program sepenuh masa. Unit ini diketuai oleh Pegawai Pengambilan dan dibantu oleh Penyelaras Pengambilan.

## OBJEKTIF

1. **Urusan melaksana dan menyelaras dasar dan halatuju**
   - Melaksana dan menyelaras dasar-dasar pelaksanaan pengambilan pelajar yang telah ditetapkan oleh kementerian, jabatan dan kolej;
   - Menyediakan ABM untuk aktiviti Unit Pengambilan Pelajar;
   - Urusan penyediaan Pelan Strategik dan Takwim Aktiviti Pengambilan Pelajar.
2. **Urusan pengambilan pelajar**
   - Mengurus dan menyelaras pengambilan pelajar;
   - Menyediakan laporan statistik kemasukan pelajar;
   - Menerima dan mengurus rayuan pelajar.
3. **Urusan Pendaftaran dan Borang Kemasukan**
   - Mengurus dan menyelaras pendaftaran pelajar;
   - Mengurus borang kemasukan pelajar;
   - Menyediakan laporan statistik pendaftaran pelajar.
4. **Urusan Data dan Rekod**
   - Mengurus dan menyimpan data dan rekod fail peribadi pelajar;
   - Mengemaskini data dan rekod pelajar dari masa ke semasa.

# CARTA ORGANISASI

## UNIT PENGAMBILAN



**NOORHASIMAH BINTI KASSIM**
**PENGARAH DH48**



**JACINTA @ CAROLINE PETER**
**TIMBALAN PENGARAH DH44**



**CORINE BINTI AHLAI @ ERIC**
**PEGAWAI PENGAMBILAN DH44**

# TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

## TAHUN 2020

| BIL | PROGRAM | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Majlis Ramah Mesra Bersama Kolej Komuniti Penampang | 3 Mac 2020 |
| 2. | Program Table Talk Sempena Pengumuman SPM 2019 | 5 Mac 2020 |
| 3. | Program 'Jom Masuk IPT 2020' Zon 4: Negeri Sabah | 7 – 8 Mac 2020 |
| 4. | Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi Jun 2020 | 4 Ogos 2020 |
| 5. | Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi Disember 2020 telah dilaksanakan pada tahun 2021 disebabkan perubahan takwim akdemik akibat pandemik Covid-19. | - |

# ENROLMEN PELAJAR

## TAHUN 2020

| PROGRAM | KELAYAKAN KEMASUKAN | ENROLMEN |
|---|---|---|
| | | JUN |
| Sijil Teknologi Senibina (STS) | Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) | 46 Orang |
| Sijil Pengoperasian Perniagaan (SPP) | Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) | 69 Orang |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **115 Orang** |

# GAMBAR AKTIVITI

## UNIT PENGAMBILAN








**PROGRAM 'JOM MASUK IPT 2020'**
**ZON 4: NEGERI SABAH**
**(7 - 8 MAC 2020)**





**HARI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU**
**SESI JUN 2020**
**(4 OGOS 2020)**





# UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR (UPP)

## PENGENALAN

Unit Pembangunan Pelajar merupakan satu bahagian yang terpenting dalam pentadbiran hal ehwal pelajar. Unit ini diketuai oleh seorang ketua unit yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pelajar dan mengurus selia, perancangan dan pelaksanaan aktiviti pelajar, disiplin, kesukanan, kebudayaan, penginapan, bantuan kewangan serta pinjaman pelajaran, dan kebajikan pelajar.

Unit ini merupakan pemangkin ke arah pembentukan pelajar yang progresif, dinamik, cemerlang, berwibawa dan berketrampilan melalui pelaksanaan program pembangunan insan yang menekankan keseimbangan aspek akademik & kokurikulum. Kedua-dua aspek ini merupakan elemen penting yang saling melengkapi dalam proses membangunkan potensi diri pelajar dalam usaha melahirkan graduan yang berkualiti, seimbang dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran yang berterusan.

## OBJEKTIF

- Menguatkuasa peraturan disiplin dan sahsiah pelajar mengikut Akta 173 dan Peraturan Tatatertib Am Pelajar;
- Menyediakan perkhidmatan berkaitan keperluan biasiswa pelajar / pinjaman dan bantuan kewangan pelajar, serta insuran pelajar;
- Menyelaras dan melaksana aktiviti pembangunan pelajar, minggu suaikenal, kebajikan pelajar, aktiviti ko-kurikulum, khidmat masyarakat dan jawatankuasa Perwakilan Pelajar;
- Memastikan kegiatan persatuan / kelab melalui Jawatankuasa Perwakilan Pelajar.

# KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN DISEDIAKAN

## BANTUAN KEWANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI (BKPKK)

Bantuan kewangan ini diberikan kepada pelajar Kolej Komuniti yang berpendapatan isi rumah kurang dari RM3000 bagi membantu sedikit-sebanyak mengurangkan bebanan membayar Yuran Pengajian serta perbelanjaan pembelajaran sepanjang berada di Kolej Komuniti.

## INSURAN

Setiap pelajar yang berdaftar dengan Kolej Komuniti wajib untuk diinsurankan di bawah perlindungan Etiqa Takaful yang merangkumi polisi kemalangan atau kematian.

## BIMBINGAN DAN KAUNSELING

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang diberikan dapat membantu meningkatkan potensi yang sedia ada dalam diri mereka. Unit ini juga memberi khidmat pencegahan iaitu menghindarkan pelajar daripada terlibat dalam perbuatan salahlaku seperti tidak berdisiplin, penggunaan dadah, laku musnah, peras ugut, menyertai pertubuhan haram dan lain-lain. Selain itu, unit ini turut memberi khidmat pemulihan dengan tujuan mengorientasikan semula pelajar yang bermasalah peribadi, pelajaran, kerjaya dan sosial supaya mampu menghadapi dan mengatasi masalah mereka. Tidak ketinggalan juga memberi khidmat kaunseling krisis kepada individu yang memerlukan dan terakhirnya memberi khidmat kaunseling bersifat penggayaan, pemulihan, pencegahan dan pengembangan kepada ekonomi setempat.

## PERALATAN SUKAN & PERMAINAN

Contohnya seperti permainan ping-pong, catur, karom dan dart bagi permainan dalaman (Indoor Games) dan peralatan sukan seperti set bola Petanque, bola tampar, bola futsal, bola sepak takraw dan bola jaring.

## KELAB / PERSATUAN

Penubuhan kelab / persatuan pelajar adalah melalui usulan daripada Ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang dipertanggungjawabkan untuk mengaktifkan ko-kurikulum di kalangan semua pelajar Kolej Komuniti Penampang.

# CARTA ORGANISASI

## UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR (UPP)



# TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN
## TAHUN 2020

| BIL | PROGRAM | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Jemputan Program Miss Grand Putatan 2020 Bersama Komuniti Di Kolej Komuniti Penampang | 11 Januari 2020 |
| 2. | Pilihanraya Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Tahun 2020 | 08 Januari 2020 |
| 3. | Majlis Watikah Perlantikan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Tahun 2020 | 15 Januari 2020 |
| 4. | Program Bacaan Yasin Kolej Komuniti Penampang Sesi Disember 2019 | Sepanjang Semester Disember 2019 |
| 5. | Minggu Kesedaran & Pemeriksaan Disiplin Pelajar Sesi Disember 2019 | 10 – 16 Februari 2020 |
| 6. | Program Smart Solat Kolej Komuniti Penampang | 21 Februari 2020 |
| 7. | Program Jom Masuk IPT Peringkat Zon Sabah 2020 | 06 Mac 2020 |
| 8. | Minggu Keusahawanan KKPPG 2020 | 05 – 13 Mac 2020 |
| 9. | Minggu Suaikenal Pelajar Baharu Sesi Jun 2020 | 03 – 05 Ogos 2020 |
| 10. | Program Briget Sukarelawan Kolej Komuniti (BRISK) Negeri Sabah Tahun 2020 | 25 – 27 Ogos 2020 |

| | | |
|---|---|---|
| 11. | Program Majlis Komuniti @ Merdeka Daerah Penampang Tahun 2020 | 07 September 2020 |
| 12. | Program Malaysiaku Merdeka Tahun 2020 | 01 – 15 September 2020 |
| 13. | Program Bacaan Yasin Kolej Komuniti Penampang Sesi Jun 2020 | Sepanjang Semester Jun 2020 |
| 14. | Program Lawatan Kerja Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Ke Kolej Komuniti Penampang | 11 September 2020 |
| 15. | Program Minggu Keusahawanan Kolej Komuniti Penampang Bil. 02/2020 | 23 – 24 September 2020 |
| 16. | Program Kitar Semula – Reduce, Reuse, Recycle (3R) Kolej Komuniti Penampang | 23 September 2020 |
| 17. | Jemputan Menghadiri Program Pembudayaan Norma Baharu – Putuskan Rantaian Covid-19 | 24 September 2020 |

# GAMBAR AKTIVITI

## UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR (UPP)







KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA
KOLEJ KOMUNITI
PENAMPANG
Program Bacaan Yasin KKPPG
07/02/2020


PENYERAHAN
WATIKAN PELANTIKAN PRISS
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG TAHUN 2020
TARIKH : 16 MAC 2020 MASA : 2.30 PM


MINGGU SUAIKENAL
PELAJAR BAHARU
SESI JUN 2020
(3 - 5 OGOS 2020)


PENYERAHAN
Jumbangan Ikhlas
daripada
YB JENNIFER LASIMBANG
kepada
PELAJAR
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG
23 MAC 2020


Penyerahan Barangan Bantuan
daripada
Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)
kepada
PELAJAR KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG
25 MAC 2020 (RABU)

# UNIT KOLABORASI DAN KEUSAHAWANAN

## PENGENALAN

Bahagian kolaborasi dan Keusahawanan terdiri daripada empat (4) unit utama iaitu Unit Hubungan Industri, Unit Kebolehpasaran Graduan, Unit Keusahawanan dan Unit Pengesanan Graduan dan Alumni. Fungsi utama bahagian ini adalah:

- Merancang dan membina hubungan kolaborasi strategik bersama industri, universiti, agensi, NGO, badan profesional dan badan pentauliahan dalam dan luar negara;
- Merancang dan membina hubungan kolaborasi strategik bersama agensi keusahawanan peringkat nasional;
- Bertanggungjawab untuk mengetuai Pusat Pembangunan Keusahawanan Kolej Komuniti (PUSKOM).

## OBJEKTIF

- Sekurang - kurangnya 70% bakal majikan memberikan maklum balas memuaskan pada skala 3 dari 5 terhadap prestasi pelajar yang mengikuti Program Latihan Industri;
- Memastikan kadar lulusan Program Latihan Industri melebihi 90% lulus termasuk 5% lulus cemerlang;
- Memastikan wujudnya kolaborasi bersama universiti / industri agensi penguatkuasa koridor / agensi kerajaan dan swasta / NGO / badan profesional atau pentauliahan dalam dan luar negara;
- Memastikan peratus responden bagi kajian SKPG1 adalah melebihi 80% sebelum sistem SKPG1 ditutup;
- Menyediakan laporan Kajian Pengesanan Graduan Kolej Komuniti masing-masing.

## UNIT PERHUBUNGAN INDUSTRI DAN ALUMNI

Unit Perhubungan Industri dan Alumni merupakan satu unit di Bahagian Kolaborasi dan Keusahawanan (BKK), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang bertanggungjawab dalam merancang, memantau, mengawal selia dan menyediakan pelaporan sebelum / semasa / selepas pelajar mengikuti Program Latihan Industri. Selain itu, unit ini turut serta merancang, mengawal selia dan memantau kolaborasi antara industri kolej komuniti / universiti / industri agensi penguatkuasa koridor / agensi kerajaan dan swasta / NGO / badan professional atau pentauliahan dalam dan luar negara mengikut arahan Pengarah dan pekeliling yang berkuatkuasa.

- Merancang dan melaksanakan tugas dan aktiviti sebelum pelajar mengikuti Program Latihan Industri;
- Merancang dan melaksanakan tugas dan aktiviti semasa pelajar mengikuti Program Latihan Industri;
- Merancang dan melaksanakan tugas dan aktiviti selepas pelajar mengikuti Program Latihan Industri;
- Merancang, mengawal selia dan memantau kolaborasi antara industri kolej komuniti dengan universiti / industri agensi penguatkuasa koridor / agensi kerajaan dan swasta / NGO / badan professional atau pentauliahan dalam dan luar negara;
- Merancang dan melaksanakan tugas sebelum Program Kebolehpasaran Graduan (GE);
- Merancang dan melaksanakan tugas semasa Program Kebolehpasaran Graduan (GE);
- Merancang dan melaksanakan tugas selepas Program Kebolehpasaran Graduan (GE);
- Merancang dan melaksanakan majlis dialog / program bersama industri / seminar di peringkat kolej komuniti / wilayah;
- Merancang dan melaksanakan temuduga bersama industri.

- Pelaporan pelaksanaan majlis dialog / program bersama industri / seminar / temuduga bersama industri di peringkat kolej komuniti / wilayah;
- Merancang, mengumpul dan menganalisa data intervensi kebolehpasaran graduan;
- Merancang, mengurus dan mengawal selia pengurusan persatuan alumni kolej komuniti;
- Merancang, mengurus dan mengawal selia aktiviti / program persatuan alumni kolej komuniti atau berkaitan alumni;
- Mengurus, menyelaras dan mendokumentasi data alumni kolej komuniti.

## UNIT KEUSAHAWANAN

Unit Keusahawanan adalah salah satu unit di Bahagian Kolaborasi dan Keusahawanan (BKK), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), di mana unit ini memainkan peranan yang penting dalam memastikan pelaksanaan program dan pembudayaan keusahawanan di peringkat kolej komuniti dalam mencapai KPI yang telah ditetapkan di peringkat jabatan dan kementerian. Berikut adalah peranan Unit Keusahawanan BKK.

- Merancang, menyelaras dan memantau pengurusan dan pelaksanaan Pusat Keusahawanan Kolej Komuniti (PUSKOM) di JPPKK;
- Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan aktiviti keusahawanan di setiap E-Tech Center Kolej Komuniti;
- Merancang, menyelaras dan memantau program pembudayaan keusahawanan di kolej komuniti;
- Merancang, memantau dan menyelaras aktiviti alumni keusahawanan kolej komuniti;
- Merancang dan memohon peruntukan kewangan bagi menjalankan aktiviti keusahawanan di JPPKK dan kolej Komuniti;
- Merancang dan menyelaras pelaporan aktiviti keusahawanan kepada Jawatankuasa Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi.

# CARTA ORGANISASI

## UNIT KOLABORASI & KEUSAHAWANAN



# TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN
## TAHUN 2020

## UNIT PERHUBUNGAN INDUSTRI DAN ALUMNI

| BIL | PROGRAM | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Alumni Bil. 1 / 2020 | 11 Januari 2020 |
| 2. | Mesyuarat Unit LI Bil. 1 / 2020 | 15 Januari 2020 |
| 3. | Lawatan Penyeliaan LI | 3 – 10 Februari 2020 |
| 4. | Taklimat Pelajar | 30 Mac – 6 April 2020 |
| 5. | Bengkel LI: Program Transformasi Kendiri | 18 April 2020 |
| 6. | Taklimat Pelajar | 22 – 28 Jun 2020 |
| 7. | Lawatan Penyeliaan LI | 10 – 17 Ogos 2020 |
| 8. | Mesyuarat Alumni Bil 2 / 2020 | 26 September 2020 |
| 9. | Mesyuarat Unit LI Bil 2 / 2020 | 25 November 2020 |

## UNIT KEUSAHAWANAN

| BIL | PROGRAM | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Unit keusahawanan Bil. 1 / 2020 | 21 Januari 2020 |
| 2. | Pameran Jualan Inkubator Keusahawanan | 12 September 2020 |
| 3. | Program Minggu Keusahawanan Bil. 1 / 2020 | 23-24 September 2020 |
| 4. | Mesyuarat Unit Keusahawanan Bil. 2 / 2020 | 7 Oktober 2020 |

# GAMBAR AKTIVITI
## UNIT KOLABORASI & KEUSAHAWANAN

### PERHUBUNGAN INDUSTRI & ALUMNI



**Taklimat Lapor Diri Pelajar Sesi Jun 2020**






**Bengkel Latihan Industri Secara Atas Talian**

## KEUSAHAWANAN



PAMERAN JUALAN INKUBATOR
SEMPENA LAWATAN KERJA
YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN,
TIMBALAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI
KE KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG



PROGRAM
MINGGU
KEUSAHAWANAN

# UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICT)

## PENGENALAN

Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan ICT untuk melancarkan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan segala urusan berkaitan bagi meningkatkan capaian dan perkongsian maklumat secara efisen dan efektif di Kolej Komuniti Penampang.

## OBJEKTIF

- Melaksana dan memastikan keselamatan ICT dipatuhi bagi mengelakkan insiden yang tidak diingini;
- Memberi pendedahan ilmu pengetahuan mengenai ICT;
- Memberi khidmat dan nasihat serta sokongan teknikal ICT;
- Memantau, mengurus dan mentadbir infrastruktur rangkaian dan peralatan ICT;
- Memantau, mengemaskini dan menyelenggara laman web dan sistem aplikasi;
- Membantu dalam penyediaan kertas kerja JPICT mengikut keperluan;
- Menganalisa, menyelaras dan melaksanakan segala dokumentasi berkenaan dengan perolehan ICT, penyelenggaraan sistem aplikasi serta peralatan ICT;
- Membantu melaksanakan aktiviti dan program yang dirancang khususnya bagi tujuan majlis rasmi, promosi dan hebahan.

## KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN DISEDIAKAN

**MAKMAL KOMPUTER 1 & 2**
Digunakan untuk sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Terdapat 62 unit komputer di makmal komputer.

**PERPUSTAKAAN**
Menyediakan empat (4) unit komputer untuk kegunaan pelajar menyiapkan tugasan.

**WIFI**
Menyediakan perkhidmatan wifi kepada pelajar dan kakitangan.

**BILIK SERVER**
Kemudahan pusat data bagi rangkaian MYREN dan CCTV.

# CARTA ORGANISASI

## UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICT)



NOORHASIMAH BINTI KASSIM
PENGARAH DH48



JACINTA @ CAROLINE PETER
TIMBALAN PENGARAH DH44



NUR FADHILAH BINTI AHMED@AHMAD
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT FA29



HAPID BIN JUDDIN
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT FA29

# TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

## TAHUN 2020

| BIL | PROGRAM | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Bengkel Asas Aplikasi Video Conference | 27 Julai 2020 |
| 2. | Bengkel Microsoft 365 (Technology Update) | 06 November 2020 |

## GAMBAR AKTIVITI

# UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICT)






# UNIT PERPUSTAKAAN

## PENGENALAN

Unit Perpustakaan Kolej Komuniti Penampang merupakan perpustakaan akademik yang menjadi pusat sumber ilmu dan maklumat bagi warga Kolej Komuniti Penampang mendapatkan maklumat dan memastikan maklumat yang diperolehi dapat memberi manfaat kepada warga kolej. Perpustakaan yang terletak di aras 1 ini bersebelahan dengan bilik kuliah dilengkapi dengan kemudahan ruang membaca yang selesa.

Selain menyediakan bahan rujukan, perkhidmatan peminjaman buku, perkhidmatan zon siber dan perkhidmatan mesin fotokopi juga ada disediakan untuk kegunaan semua pelajar Kolej Komuniti Penampang. Perpustakaan Kolej Komuniti Penampang menggunakan Sistem Pengkelasan Perpuluhan Dewey edisi ke-23. Usaha sedang dipergiat untuk menambah koleksi bahan-bahan yang sedia ada dengan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuklah Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Negeri Sabah. Unit Perpustakaan diselia oleh Pembantu Pustakawan yang bertanggungjawab untuk membantu pengguna semasa menggunakan perkhidmatan perpustakaan.

## OBJEKTIF

- Mengesan, mengumpul, menyimpan, mengurus, menyedia dan menyebarkan sumber yang bersesuaian, berkualiti dan terkini;
- Mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi memupuk minat cintakan perpustakaan dan membudayakan ilmu;
- Memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan membudayakan perkembangan teknologi semasa;
- Membantu melahirkan tenaga separa profesional yang kreatif dan berdaya saing serta mempunyai sahsiah diri yang tinggi.

## KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN DISEDIAKAN

- Menyediakan perkhidmatan sirkulasi kepada warga Kolej Komuniti Penampang;
- Perkhidmatan zon siber disediakan khas untuk pelajar yang tidak mempunyai komputer riba;
- Perkhidmatan kemudahan mesin fotokopi, ruangan membaca dan mengulang kaji pelajaran.

# CARTA ORGANISASI
## UNIT PERPUSTAKAAN



**NOORHASIMAH BINTI KASSIM**
**PENGARAH DH48**



**JACINTA @ CAROLINE PETER**
**TIMBALAN PENGARAH DH44**



**YVONNE FELICIANUS**
**PEMBANTU PUSTAKAWAN S19**

# TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

## TAHUN 2020

| BIL | PROGRAM | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Unit Perpustakaan Bil. 1 / 2020 | 24 Januari 2020 |
| 2. | Program Jom Membaca Bersama 10 Minit | 28 April 2020 |
| 3. | Mesyuarat Unit Perpustakaan Bil. 2 / 2020 | 12 Ogos 2020 |

# GAMBAR AKTIVITI
## UNIT PERPUSTAKAAN



# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

## PENGENALAN

Unit Komunikasi Korporat (UKK) berperanan merancang dan mengurus bahan-bahan penerbitan KKPPG sebagai sumber maklumat seperti video korporat, direktori, laporan tahunan dan lain-lain bentuk penerbitan bagi tujuan promosi KKPPG. Seterusnya merancang dan mengurus imej KKPPG dan melaksanakan promosi melalui strategi perhubungan awam yang teratur. UKK juga merancang dan mengurus aktiviti promosi serta publisiti program pengajian di KKPPG. Selain itu, UKK turut menguruskan perhubungan awam dan media dengan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat menerusi liputan media, menyediakan kenyataan media dan temubual media cetak / elektronik / baharu.

# CARTA ORGANISASI

## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)



NOORHASIMAH BINTI KASSIM
PENGARAH DH48



JACINTA @ CAROLINE PETER
TIMBALAN PENGARAH DH44



NURMARYAM AIDA BINTI HASHIM
PENSYARAH DH41
– KETUA UNIT UKK / PENYELARAS MULTIMEDIA



NORSZAZLINA BINTI ALI ABAS
PENSYARAH DH29
– PENYELARAS PERHUBUNGAN AWAM & PROMOSI

## FUNGSI UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| UNIT MEDIA KORPORAT | UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN PROMOSI |
|---|---|
| Merancang dan mengurus aktiviti promosi dan publisiti program pengajian di Jabatan dan Institusi. | Merancang dan mengurus bahan-bahan penerbitan jabatan sebagai sumber maklumat seperti video korporat jabatan, buku panduan komprehensif jabatan, direktori jabatan, laporan tahunan, buletin Jabatan dan lain-lain bentuk penerbitan bagi tujuan mempromosikan jabatan. |
| Menguruskan perhubungan awam dan media dengan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat menerusi liputan media / sidang media (Press Conference), menyediakan kenyataan akhbar (Press Release), siaran media dan temu bual khas media cetak dan elektronik. | Merancang dan mengurus imej jabatan dan melaksanakan promosi melalui strategi perhubungan awam yang teratur. |

## TUGAS UTAMA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| UNIT MEDIA KORPORAT | UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN PROMOSI |
|---|---|
| Menyebarluas maklumat penawaran program pengajian Institusi melalui media cetak dan media elektronik. | Menyelaras dan menguruskan bahan penerbitan / penulisan korporat sebagai saluran informasi dan promosi jabatan. |
| Menghasilkan rekabentuk grafik bagi mempromosikan politeknik dan kolej komuniti. | Mengurus dan menyelaras liputan foto bagi acara-acara rasmi jabatan dan dokumentasi bahan arkib (gambar dan video) bagi tujuan penerbitan. |
| Menghasilkan penerbitan video bagi mempromosikan politeknik dan kolej komuniti. | Memantau dan menyelaras maklumat / informasi Jabatan di laman web rasmi dan emel. |
| Mengurus dan menyelaras hebahan di media sosial berkaitan maklumat terkini jabatan dan institusi. | Mengurus dan menyelaras pameran interaktif / program khas / lawatan dan kunjungan daripada pihak luar. |
| Mengurus dan menyelaras liputan media (jemputan media, penyediaan kenyataan media, siaran media dan sidang media) bagi program / majlis jabatan dan institusi. | Menyelaras urusan berkaitan khidmat pelanggan. |
| Merancang dan melaksanakan pelan media berhubung publisiti dan promosi dasar, peranan, program / majlis rasmi jabatan melalui media cetak dan elektronik. | Mengurus dan menyelaras perolehan barangan korporat yang menonjolkan imej korporat jabatan. |
| Mengurus isu dan memantau liputan berita yang melibatkan imej jabatan dan institusi melalui media cetak, elektronik dan media sosial. | Melaksanakan aktiviti pengukuhan / bengkel strategik bagi Pegawai Perhubungan Awam politeknik dan kolej komuniti. |
| Mengurus dan memantau pengurusan majlis / protokol bagi jabatan dan institusi | Mengurus dan melaksanakan pengurusan KPI unit bagi jabatan / institusi |

# UNIT PERHUBUNGAN AWAM & PROMOSI

## PENGENALAN

Unit Perhubungan Awam & Promosi melaksanakan aktiviti Pengurusan Media dan Komunikasi, Penerbitan Korporat Jabatan dan Perkhidmatan Pelanggan. Unit ini juga turut bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti promosi dan publisiti bagi setiap aktiviti dan program KKPPG secara meluas dengan penggunaan pelbagai kaedah komunikasi termasuk medium media cetak, elektronik serta media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter.

## OBJEKTIF

- Menonjolkan imej Kolej Komuniti Penampang;
- Mewujudkan perhubungan baik antara jabatan dengan pihak awam serta media melalui strategi penyampaian maklumat perkhidmatan yang berkesan;
- Memastikan keberkesanan perancangan dan pelaksanaan pelan media berhubung publisiti, promosi dan kempen bagi setiap dasar, peranan, program dan aktiviti serta majlis rasmi Jabatan melalui bahan promosi, media elektronik dan media cetak;
- Menyediakan bahan edaran dan rujukan kepada pihak awam dan media serta bahan maklumat bagi setiap dasar, peranan, program dan aktiviti serta majlis rasmi jabatan melalui penerbitan bahan cetakan seperti buletin, laporan tahunan, brosur, risalah, rakaman foto, dan video;
- Memastikan aduan dan cadangan dari orang awam dan pelanggan mengenai perkhidmatan Kolej Komuniti Penampang diselaraskan dengan lancar dan memenuhi keperluan yang dikehendaki dan;
- Memastikan orang awam dan pelanggan yang ingin mengetahui atau yang sedang dan telah menerima perkhidmatan Kolej Komuniti Penampang diberi layanan yang baik dan dikendalikan dengan cepat dan berkesan.

## KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN DISEDIAKAN

1. Menguruskan media dan publisiti bagi mempromosikan dan menaikkan nama dan jenama Kolej Komuniti Malaysia.
2. Menguruskan media sosial rasmi sebagai usaha untuk memperkukuhkan strategi mempromosikan dan penyampaian info terkini Kolej Komuniti Malaysia.
3. Menguruskan temu bual dan hebahan di media cetak dan elektronik serta menyampaikan info terkini kolej komuniti kepada orang awam.
4. Menguruskan isu dan memantau liputan berita bagi meningkatkan imej jabatan dan membetulkan salah liputan dan tanggapan secara efektif.
5. Mengurus aduan/maklum balas berhubung isu-isu yang melibatkan imej Kolej Komuniti Malaysia secara telus, cekap dan bersistematik.
6. Menguruskan penerbitan seperti buletin dan laporan tahunan merupakan media cetak yang mampu membina hubungan dan kepercayaan antara organisasi dengan pemegang taruh.
7. Menjadi penasihat pengurusan majlis / program agar berjalan dengan cekap, lancar dan teratur bagi memperkasa kolej komuniti.
8. Menguruskan program khas yang melibatkan penyertaan awam agar dapat memberikan impak yang tinggi nilai dan menaikkan imej jabatan.
9. Menguruskan pameran interaktif dalam menyampaikan informasi berkenaan kolej komuniti dan mengukuhkan hubungan dengan pemegang taruh.

# UNIT MULTIMEDIA

## PENGENALAN

Unit Multimedia terlibat secara langsung dalam menghasilkan visual (illustrasi, photo, logo, icon, vektor) yang sesuai untuk menyampaikan mesej dalam pengiklanan, identiti korporat, multimedia dan sebagainya. Selain dari itu juga, Unit Multimedia juga menghasilkan konsep rekaan yang terdiri daripada gabungan unsur-unsur dan prinsip-prinsip rekaan mengikut kehendak. Unit ini bertanggungjawab dalam susun atur (Layout) serta format dalam setiap rekaan yang dihasilkan agar menepati citarasa pelanggan dan mempunyai nilai estetik, nilai dekoratif dan nilai komersial. Sebagai penasihat rekaan, menasihati serta memberi cadangan kepada staf dalam pemilihan warna, teks, visual, stail dan sebagainya, mengikut kesesuaian rekaan yang ingin dihasilkan. Selain itu, unit ini turut memastikan setiap rekaan dicetak dengan baik mengikut spesifikasi yang telah dipersetujui bersama agar kualiti dapat dijaga.

## OBJEKTIF

Tugas dan fungsi Unit Multimedia luas kerana semua rekaan pastinya melalui proses penghasilannya. Unit Multimedia bertanggungjawab dalam kelancaran perjalanan proses rekaan (Design Process) mengikut kehendak staf Kolej Komuniti Penampang. Proses rekaan biasanya bermula dari peringkat kajian atau pengumpulan data, lakaran perkembangan idea, proses rekaan digital dan juga percetakan atau penerbitan. Setiap peringkat proses rekaan memerlukan sentuhan kreativiti dan nilai artistik.

# TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## TAHUN 2020

| BIL | PROGRAM | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Kunjungan Hormat ke Yayasan Sabah | 14 Januari 2020 |
| 2. | Kunjungan Hormat ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) | 15 Januari 2020 |
| 3. | Program Table Talk KKPPG sempena Pengumuman Keputusan SPM Tahun 2019 (Bersama Unit Pengambilan) | 06 Mac 2020 |
| 4. | Jom Masuk IPT 2020; Zon 4 Sabah di Sabah International Convention Center (SICC) | 07 - 08 Mac 2020 |
| 5. | Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri Pengajian Tinggi ke Kolej Komuniti Penampang | 12 September 2020 |

# PENCAPAIAN UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## TAHUN 2020

| BIL | NAMA AKTIVITI | PENCAPAIAN |
|---|---|---|
| 1. | KPI 9 Kolej Komuniti Penampang | 100% |

# GAMBAR AKTIVITI DAN HASIL KERJA
## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT




Banner Kolej




Poster Hari Kaamatan




Poster Majlis Akhir Tahun




Poster Sambutan Hari Pekerja




Poster Hari Guru









**Poster Berbuka Puasa**




**Poster Hari Raya Aidilfitri**







*Kunjungan Hormat Kolej Komuniti Penampang*
*ke Yayasan Sabah*
*14 Januari 2020*


KARNIVAL
JOM MASUK IPT
ZON SABAH TAHUN 2020
7-8 MAC 2020
SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTER


PROGRAM TABLE TALK
5 MAC 2020
LOKASI DI SEKOLAH MENENGAH SEKITAR NEGERI SABAH


KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG
Selamat Datang
YB Dato' Mansor bin Othman
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi
Sempena
LAWATAN KERJA
Ke
Kolej Komuniti Penampang
12 September 2020
SYH 3442

# UNIT PEMBANGUNAN

## PENGENALAN

Unit Pembangunan telah diwujudkan dalam carta organisasi Kolej Komuniti Penampang bertujuan untuk menjaga aset kerajaan dan infrastruktur. Termasuk merancang serta melaksanakan skop-skop kerja yang melibatkan dalam bidang elektrik, mekanikal dan awam.

## OBJEKTIF

**UNIT PEMBANGUNAN (BAHAGIAN PENTADBIRAN)**

- Merancang dan mengurus pelaksanaan serta pengoperasian program pengajian;
- Merancang, mengurus dan melaksanakan pemastian kualiti terhadap program pengajian.

**UNIT PEMBANGUNAN (BAHAGIAN PEMBANGUNAN)**

- Merancang pembangunan Kolej Komuniti Penampang bagi memenuhi keperluan fizikal;
- Mengurus pembangunan yang dijalankan di Kolej Komuniti Penampang;
- Memantau kerja-kerja pembangunan agar selaras dengan kehendak-kehendak undang-undang;
- Mengurus kerja ubah suai bangunan bagi memenuhi keperluan semasa Kolej Komuniti Penampang;
- Untuk mempertingkatkan imej pengguna (Warga Kolej Komuniti Penampang).

**UNIT PEMBANGUNAN (BAHAGIAN SENGGARAAN)**

- Untuk memanjangkan usia penggunaan sesuatu aset;
- Untuk melindungi pengguna dan aset dari sebarang bahaya / bencana yang mungkin timbul;
- Untuk meminimumkan kos operasi dan perbelanjaan pengeluaran;
- Untuk memenuhi kehendak undang-undang pihak berkuasa tempatan dan saranan syarikat pembuat;
- Untuk mempertingkatkan imej pengguna (Warga Kolej Komuniti Penampang).

# KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN DISEDIAKAN



**Kenderaan Jabatan**



**Bangunan Kampus**
**Kolej Komuniti Penampang**





**Ruang Letak Kenderaan**



**Penghawa Dingin**






Sistem Penggera Kebakaran

# CARTA ORGANISASI
## UNIT PEMBANGUNAN



NOORHASIMAH BINTI KASSIM
PENGARAH DH48



JACINTA @ CAROLINE PETER
TIMBALAN PENGARAH DH44



YAP YEN HOCK
PENOLONG JURUTERA JA29

# TAKWIM AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

## TAHUN 2020

| BIL. | SENARAI PEMBAIKAN & PENYELENGGARAAN | STATUS PERLAKSANAAN | NILAI KOS(RM) BERJAYA DILAKSANAKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan Toyota Hiace SAB9174V (Bil.1 / 2020) | Berjaya Dilaksanakan (Berkala-Febuari) | RM 2,320.72 |
| 2 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan Toyota Hiace SAB9174V (Bil. 2 / 2020) | Berjaya Dilaksanakan (Berkala-Jun) | RM 3,122.52 |
| 3 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan Toyota Hiace SAB9174V (Bil. 3 / 2020) | Berjaya Dilaksanakan (Berkala-Oct) | RM 2,722.30 |
| 4 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Alat Penghawa Dingin (Bil.1 / 2020) | Berjaya Dilaksanakan (Berkala-Jun) 13 Unit | RM 3,980.00 |
| 5 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Alat Penghawa Dingin (Bil. 2 / 2020) | Berjaya Dilaksanakan (Berkala-Sep) 28 Unit | RM 8,030.00 |
| 6 | Perkhidmatan Pembasmian Anai-Anai Dan Serangga Perosak | Berjaya Dilaksanakan | RM 3,990.00 |
| 7 | Sebut Harga Kerja-Kerja Pembaikan Dan Penyelenggaraan Am Termasuk Kerja-Kerja Yang Berkaitan | Berjaya Dilaksanakan | RM 31,300.00 |

# SIDANG REDAKSI

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | Noorhasimah Binti Kassim |
| Timbalan Pengerusi | : | Jacinta @ Caroline Peter |
| Ketua Penyunting | : | Grisha Henry William |
| Pembantu Ketua Penyunting 1 | : | Bumyamin Bin Md Razi |
| Pembantu Ketua Penyunting 2 | : | Mimi Tumbalon |
| Pereka Grafik | : | Nur Fadhilah Binti Ahmed @ Ahmad |

**Laporan Unit-Unit Kolej Komuniti Penampang**

Penyunting

| | | |
|---|---|---|
| Program Sijil Pengoperasian Perniagaan | : | Feuna Anasius Joitun |
| Program Sijil Teknologi Senibina | : | Mohd Suhairi Bin Hj Mohd Shariff |
| Unit Mata Pelajaran Pengajian Umum | : | Grisha Henry William |
| Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat | : | Nor Haslinda Binti Saenan |
| Unit Pentadbiran Dan Kewangan | : | Suhaina Binti Abd Hamid |
| Unit Peperiksaan Dan Penilaian | : | Vun Jing Shu |
| Unit Kualiti | : | Vun Jing Shu |
| Unit Pengambilan Pelajar | : | Corine Binti Ahlai @ Eric |
| Unit Pembangunan Pelajar | : | Betsy Vine Sidion |
| Unit Kolaborasi Dan Keusahawanan | : | Nurhidayu Binti Husin |
| | | Nurul Farhana Binti Ramli |
| Unit Teknologi Maklumat | : | Nur Fadhilah Binti Ahmed @ Ahmad |
| Unit Perpustakaan | : | Yvonne Felicianus |
| Unit Komunikasi Korporat | : | Norszazlina Binti Ali Abas |
| | | Nurmaryam Aida Binti Hashim |
| Unit Pembangunan | : | Yap Yen Hock |

# LAGU

## *Kolej Komuniti*

Seia dan sekata
Teguh ilmu di dada
Bersama mengorak langkah
Membina generasi berjaya

Kitalah penerus alaf wawasan
Meningkatkan bakat Insan
Kolej Komuniti
Di sini medan menggapai bintang
Terus berbakti dan cemerlang
Bersama menabur jasa
Jiwa Satu Malaysia
Megahmu di mercu jaya
Berbudi menjadi nyata

KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
LOT 5 - 8, BLOK B,
JALAN RAMAYAH – PUTATAN,
89500 PENAMPANG, SABAH.
Tel: 088-760951
Faks: 088-760954
Laman Rasmi : https://kkpenampang.mypolycc.edu.my/

e ISSN 2735-072X
9 772735 072003